

11 OCT 1997

UMNO SABAH SOKONG PERDANA MENTERI

KOTA KINABALU, 11 Okt (Bernama) -- Mesyuarat Badan Perhubungan Umno Sabah, di sini hari ini, meluluskan dengan sebulat suara usul untuk menyokong kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno.

Ketua Perhubungan Umno Sabah, Datuk Osu Sukam berkata Umno Sabah juga yakin keadaan ekonomi negara sekarang berikutan kejatuhan nilai ringgit, merupakan masalah yang boleh diatasi.

"Umno Sabah juga bangga kerana pelbagai pihak, termasuk parti pembangkang, menyokong padu kepemimpinan Perdana Menteri dan ini membuktikan bahawa rakyat Malaysia tidak rela dipecahbelahkan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat itu di sini.

Umno Sabah turut mengutuk sekeras-kerasnya kegiatan yang dirancang oleh pihak luar, yang cemburu dengan kejayaan negara dan bertindak untuk melemahkan ekonomi negara ini, katanya. -- BERNAMA

JS RI